

02/08/2001

Dasar meritokrasi pupuk nilai baik

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Dasar meritokrasi yang dicadangkan kerajaan bagi pemilihan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), jauh berbeza berbanding dasar meritokrasi yang diperjuangkan parti pembangkang DAP.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, berkata pelaksanaan dasar itu bukan saja bertujuan membawa kecemerlangan akademik, malah memupuk pembentukan nilai baik dalam sahsiah pelajar Bumiputera di IPTA.

"Pelaksanaan dasar itu dicadangkan dengan mengambil kira persaingan bagi kemasukan ke universiti tempatan kini cukup sengit.

"Permohonan berdasarkan keputusan minimum tidak lagi sesuai, sebaliknya hanya pelajar yang komited terhadap prestasi akademik dengan beberapa kriteria tertentu saja akan dipertimbangkan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas reaksi pelbagai pihak, termasuk Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang menyatakan kebimbangannya mengenai kemungkinan 90 peratus pelajar Melayu dan 50 peratus pelajar India tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPTA, jika dasar meritokrasi itu dilaksanakan.

Sebelum itu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammudin Tun Hussein turut meminta kerajaan mempertimbangkan semula cadangan melaksanakan dasar berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat lalu berkata, pelaksanaan dasar meritokrasi perlu dilaksana bagi membangkitkan kesedaran mengenai prestasi pelajar Bumiputera yang jauh lebih rendah berbanding pelajar bukan Bumiputera.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, langkah kerajaan memperuntukkan kuota dan memberi kelonggaran kepada pelajar sehingga mereka yang tidak 'cemerlang' diterima masuk IPTA, bukan hanya membuatkan pelajar Melayu 'main-main', malah menjadi sombong.

Mahadzir berkata, cadangan pelaksanaan dasar meritokrasi turut dibuat bagi menghentikan tanggapan bahawa kelayakan belajar di IPTA di kalangan Bumiputera adalah berdasarkan hak dan bukan peluang yang diberikan oleh kerajaan.

"Sepatutnya dengan mendapat peluang menyambung pelajaran, pelajar Bumiputera perlu memanfaatkannya dengan belajar bersungguh-sungguh dan tidak terbabit di dalam aktiviti politik partisan," katanya.

Beliau turut mengulangi pendirian Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Muhammed sebelum itu yang menyatakan pelaksanaan meritokrasi tidak bertujuan menyekat peluang mana-mana kaum dari melanjutkan pelajaran di IPTA.

Katanya, walaupun kerajaan memberi peluang kemasukan ke IPTA berdasarkan kuota 55:45 bagi Bumiputera dan bukan Bumiputera, ia tidak bermakna berlaku diskriminasi terhadap pelajar bukan Bumiputera.

(END)